

Prof Mohd Harun Naib Canselor UMS ganti Kamaruzaman



Prof Dr Mohd Harun Abdullah

BH 19.06.2012 2

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Mohd Harun Abdullah, 51, dilantik Naib Canselor UMS yang baru bagi menggantikan Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon yang bersara.

Pelantikan anak jati Kampung Gudon, Menggatal itu adalah untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa semalam. Beliau adalah rakyat Sabah kedua dilantik ke jawatan itu selepas Kamaruzaman dan Naib Canselor UMS yang keempat sejak universiti berkenaan ditubuhkan pada 1996.

Mohd Harun yang juga lepasan Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) aktif menerbitkan artikel dan jurnal bertaraf antarabangsa serta melakukan penyelidikan dalam bidang alam sekitar.

Berucap pada majlis penyerahan tugas, di sini semalam, beliau berkata, tanggungjawab sebagai Naib Canselor UMS adalah sesuatu yang berat dan berharap mendapat bantuan pelbagai pihak bagi membawa universiti itu ke peringkat lebih tinggi.

“Dalam tempoh tiga tahun ini saya akan melakukan sebaik mungkin untuk menyempurnakan tanggungjawab diamanahkan.

Saya akan menekankan aspek keharmonian dalam kampus ini supaya proses mengembangkan lagi universiti berjalan lancar,” katanya.

Sementara itu, Kamaruzaman berterima kasih kepada pelbagai pihak termasuk kakitangan universiti itu yang memberikan sokongan kepadanya sejak menjawat jawatan Naib Canselor UMS pada Jun 2008.

“Saya gembira melihat UMS semakin berkembang hasil pelbagai usaha dilaksanakan. Ketika mula dilantik dulu, saya menekankan aspek integriti yang dulunya agak kurang pada UMS dan hasilnya sudah dapat dilihat sekarang,” katanya.